

KERATAN: Utusan Borneo
(Pail Kebudayaan Etnik)

TARIKH: 11/02/2012
M/S: (B1)

SAB-A0306/12

Pusat Kebudayaan Murut Sabah

Bangunan unik diperbuat dari kayu belian, tarikan istimewa



Oleh JOHAN AZIZ
johanaziz54@gmail.com

BEGITU unik...itu ungkapan yang pernah diluahkan oleh para pengunjung yang melawat ke Pusat Kebudayaan Murut Sabah (PKMS) yang terletak dalam daerah Tenom.

Keindahan dan keunikan yang diperbuat keseluruhan bangunannya daripada kayu belian jadi satu tarikan yang begitu istimewa bangunan ini yang pertama wujud di negeri ini khasnya, Malaysia amnya.

Uniknya bangunan ini kerana ianya diperbuat daripada kayu belian daripada tiangnya yang sebanyak 300 pokok kayu balak belian hingga struktur termasuk atapnya juga diperbuat daripada kayu belian.

Inspirasi ini adalah datang daripada seorang pemimpin tempatan dari daerah Tenom, Datuk Kadoh Agundong, mantan Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah yang dapat merealisasikan citarasa masyarakat suku kaum Murut di negeri ini.

Ciri-ciri senibina kepada bangunan ini melambangkan kepada seni budaya masyarakat Murut di Sabah sesuai dengan citarasa dan perpaduan yang wujud kepada masyarakat ini yang terdiri pelbagai etnik dan budaya yang terdapat di beberapa bahagian negeri ini.

Bangunan ini juga adalah sebagai lambang kekayaan budaya dan tradisi suku kaum Murut yang terus kekal dan masih terpelihara sehingga kini.

Pusat ini juga dijadikan tempat khas untuk sambutan Pesta Kalimaran suku kaum ini yang diadakan pada setiap bulan April setiap tahun dan mesyuarat pesta ini akan diadakan di pusat ini pada 13 Februari ini.

Untuk mempromosikan lagi pusat ini, beberapa siri penggambaran filem telemovie, drama bersiri dan dalam bentuk VCD turut diadakan dan penggambaran permainan etnik rakyat Sabah 'Siok Bah' sebanyak 13 episod telah dibuat di pusat ini oleh Pentas Wayang Production untuk siaran TV2 Radio Televisyen Malaysia.

Pusat ini terletak di Kampung Inalisan Pulong kira-kira 13 kilometer dari pekan Tenom. Bangunan ini yang mempunyai keluasan 33 ekar dengan dihiasi kehijauan tumbuhan yang subur dan segar disekelilingnya telah dibina pada 1994 dan siap pada 1996 dengan kos RM10.2 juta, kata Penolong Pengurus Pusat Kebudayaan Murut Sabah, Lembaga Kebudayaan Sabah Cawangan Tenom, Michael Pingai di pejabatnya di pusat ini.

Bagaimanapun, katanya, kos melalui penaiktarafan bangunan ini telah meningkat daripada RM10.2 juta (peruntukan pembinaan asal) kepada RM13.3 juta, tambahan kepada RM3.1 juta (naiktaraf).

"Pusat ini telah beroperasi sejak 1 Januari 1998 di bawah Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan berfungsi untuk pengurusan dan pentadbiran, pusat pameran yang merangkumi aspek kehidupan sejarah dan perkembangan budaya Murut," katanya.

Michael berkata, selain itu, pusat ini juga turut menyediakan pementasan kebudayaan dan tempat mesyuarat termasuk seminar dan bengkel.

Menurutnya, penduduk Tenom majoritinya adalah terdiri dari suku kaum Murut yang kaya dengan kesenian dan kebudayaannya.

Beliau berkata, suku kaum Murut adalah yang ketiga terbesar di bahagian Selatan Pantai Barat dan perkataan Murut merujuk kepada kumpulan penduduk yang tinggal di lereng bukit atau tanah tinggi di pedalaman



Sabah.

"Suku kaum ini terdapat di beberapa kawasan seperti Keningau, Tenom, Pensiangan, Sipitang, Kalabakan dan Kinabatangan. Suku kaum ini antaranya terbahagi kepada Murut Tahol atau Tagal, Tidong Timugon, Sembakung Paluan, Bookan, Nabai, Kalabakan dan Murut Serudung," katanya.

Michael berkata, Kaum Murut mewakili sebanyak 2.9 peratus daripada penduduk di Sabah iaitu lebih kurang

50,000 orang dan suku ini juga terdapat di Sarawak, negara Brunei dan sempadan Kalimantan.

Perkembangan terbaru pusat ini, katanya, adalah menaiktaraf beberapa kemudahan yang terdapat di pusat ini agar ianya lebih selesa dan memudahkan pelawat yang sering berkunjung ke tempat ini terutama pada masa cuti umum dan hujung minggu.

Katanya, pusat ini telah diberikan peruntukan sebanyak RM1.6 juta oleh kerajaan negeri untuk membina gerbang, kiosk, tandas awam, lapan tiang berukiran bercirikan kesenian suku Murut dan laluan pejalan kaki.

"Sementara itu, peruntukan sebanyak hampir RM1.5 juta diterima dari kerajaan persekutuan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) pada 2008 untuk pembinaan sebuah bangunan lansaran, mengecat bangunan, pentas terbuka dan tandas awam," katanya.

Tambahnya, antara kemudahan yang terdapat di pusat ini bilik penginapan, mini muzium yang memamerkan barang-barang lama daripada suku kaum ini yang dikendalikan oleh Muzium Sabah, dataran budaya, panggung budaya, kafetaria dan ruang pameran kraftangan.

Katanya, untuk mempromosikan lagi pusat ini di mata pelancong dalam dan luar negeri, pelbagai usaha telah dilakukan oleh pengurusan pusat ini selain untuk mencari kewangan bagi kegunaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di pusat ini.

Menurutnya, bermula pada 1 Jun tahun ini semua pengunjung yang melawat ke pusat ini akan dikenakan bayaran berdasarkan status umur iaitu bagi kanak-kanak termasuk pelajar dikenakan RM3, dewasa tempatan RM5 dan pelancong asing RM10.

Beliau berkata, bayaran ini adalah membolehkan pengunjung menyertai pelbagai aktiviti yang diadakan di pusat ini antaranya berbasikal, memancing, lansaran, persembahan kebudayaan, membakar ubi kayu dan jagung, menyumpit selain lawatan ke beberapa tempat menarik yang terdapat di dalam pusat ini.

Michael berkata, aktiviti berbasikal diperkenalkan di pusat ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para pengunjung untuk meninjau kawasan persekitaran pusat ini dengan lebih dekat lagi sambil beriadah.

"Aktiviti ini diadakan pada setiap hari Rabu hingga Ahad bermula jam 2 hingga jam 3 petang dan kadar sewa RM2 untuk kanak-kanak dan pelajar dan RM5 dewasa," katanya.

Michael berkata, aktiviti memancing akan diadakan pada setiap Rabu hingga Ahad bermula jam 3 hingga 4 petang dengan kadar bayaran satu joran RM10 untuk dewasa sahaja.

"Lansaran merupakan sejenis tarian tradisional etnik Murut di Sabah dan biasanya dipersembahkan di atas lantai khas yang berukuran kira-kira 25 meter persegi dan dibina di tengah rumah panjang yang diperbuat daripada kayu bulat secara berlapis-lapis supaya boleh membantu melantun seperti 'spring'," katanya.

Michael menambah, peralatan untuk aktiviti lansaran seperti lantai lansaran dan pakaian tradisional disediakan dan aktiviti ini diadakan pada setiap Rabu hingga Ahad bermula jam

9 hingga 10 pagi secara percuma.

"Aktiviti persembahan kebudayaan atas keunikan dan keindahan tarian-tarian kebudayaan di negeri ini yang dipersembahkan khas oleh artis-artis Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah diadakan pada setiap hari Sabtu bermula jam 2.30 hingga 4.30 petang dan hari Ahad bermula jam 10 pagi hingga 12 tengah hari dengan kadar bayaran RM5 untuk kanak-kanak dan pelajar sekolah berumur 17 tahun ke bawah dan RM10 untuk orang dewasa," katanya.

Beliau berkata, aktiviti membakar ubi kayu dan jagung diadakan pada setiap hari Rabu hingga Ahad bermula jam 12 tengah hari hingga satu petang dengan kadar bayaran RM1 (terbuka) dan peralatan pembakar, kayu dan arang termasuk ubi dan jagung disediakan.

Sementara itu, aktiviti menyumpit akan diadakan pada setiap hari Rabu hingga Ahad bermula jam 10 hingga 11 pagi. Aktiviti menumbuk padi secara percuma dan melastik dengan bayaran RM1 turut diadakan.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai dan operator pelancongan di negeri ini boleh menghubungi Michael melalui talian 087-734506 dan 087-735365 atau Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, tingkat 3-6, Wisma Budaya, Jalan Tunku Abdul Rahman, 88000 Kota Kinabalu atau menghubungi talian 088-250512.




PENTAS khas pusat ini yang sudah dinaiktaraf.



(Gambar atas) **LALUAN** memasuki pusat ini daripada pintu gerbang yang dibina untuk kemudahan orang awam.

(Gambar kanan) **KEUNGGULAN** pusat ini yang mempunyai rahsia keunikan tersendiri dengan berbekalkan kayu belian sebagai satu tarikan yang begitu istimewa.



(Gambar atas) **LAPAN** tiang ukiran terletak dilaluan masuk sebagai lambang kekayaan kesenian suku kaum ini.

(Gambar kanan) **CIRI-CIRI** corak yang melambangkan kesenian suku Murut yang terdapat di pusat ini.



BANGUNAN Kiosk yang siap dibina dan sudah beroperasi.

UB - 11/02/2012 (B1)



UB - 11/02/2012 (B1)

BANGUNAN Pusat Kebudayaan
Murut Sabah (PKMS) hasil
inspirasi Datuk Kadoh Agundong.

